

Media: Sinar Harian

Date: 1 June 2023

Andre sasar pecah rekod peribadi

01 Jun 2023 10:14pm Masa membaca: 2 minit



Dari kiri, Nor Sarah, Andre Anura dan Queenie Ting ketika diraikan berikutan prestasi cemerlang dalam Sukan SEA Kemboja 2023 di Bandar Enstek pada Khamis.

A A A

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

ATLET lompat kijang lelaki negara Andre Anura Anuar berhasrat memecahkan catatan peribadi terbaiknya dalam tiga kejohanan yang akan disertainya tahun ini iaitu Sukan Universiti Dunia, Sukan Asia serta Kejohanan Trek dan Padang Asia (ATF).

Andre Anura berkata untuk tujuan itu, beliau kini giat berlatih selain akan ke Jerman pada 10 Jun ini untuk latihan dan perlawanan persahabatan sebagai persediaan awal menghadapi ketiga-tiga temasya sukan.

"Jadi sekarang ini saya akan kembali on the track, mungkin sasaran (pecah rekod) dekat tiga-tiga games akan datang," kata atlet kelahiran Sabah itu selepas menghadiri Majlis Penghargaan Pemenang Pingat pada Sukan SEA ke-32 di bawah Asean Victory Project oleh Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) pada Khamis.

Turut diraikan atlet lempar cakera Queenie Ting Kung Ni dan atlet lompat galah Nor Sarah Adi.

Ketiga-tiga atlet mengambil bahagian dalam Program Pemakanan Sukan Winning Meals Kachimeshi dan diberi pendedahan mengenai perkara itu serta menerima makanan seimbang bagi memenuhi keperluan latihan di temasya sukan itu.



Queenie turut berazam memperbaiki rekod kebangsaan miliknya dengan menyasarkan lemparan melebihi 58 meter dalam kejohanan yang akan disertainya tahun ini.

"Sekarang ini saya sedang bersedia untuk menghadapi ATF serta Sukan Asia dan berharap dapat memecahkan rekod kebangsaan," katanya.

Artikel Berkaitan:

- Hannah bangga kejayaan kontinjen Olimpik Khas negara
- Perak FC tidak berhutang dengan Teong Kim
- Speedy Tigers tewaskan Korea Selatan



Atlet berusia 24 tahun yang berasal dari Sarawak itu melakukan lemparan sejauh 52.36 meter di Stadium Nasional My Dinh, Vietnam pada Sukan SEA baru-baru ini untuk meraih pingat perak.

Kejohanan ATF dijadual diadakan pada Julai di Thailand manakala Sukan Universiti Dunia dan Sukan Asia akan berlangsung sekitar Julai hingga September depan di China. - Bernama



BERITA > Sukan

Ajinomoto rai pemenang pingat Sukan SEA

Oleh WARTAWAN SUKAN SINAR 06 Jun 2023 04:53pm Masa membaca: 2 minit



Tomoharu Abe (empat dari kiri) bersama Nor Sarah (lima dari kiri), Andre Anura (empat dari kanan) dan Queenie (tiga dari kanan) pada majlis penghargaan pemenang pingat di bawah ASEAN Victory Projek Bagi Sukan SEA Ke-32 di Kilang Ajinomoto Bandar Enstek, Nilai, baru-baru ini. - Foto Ajinomoto (Malaysia) Berhad



Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

AJINOMOTO (Malaysia) Berhad (AMB) menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada tiga atlet negara yang telah mengharumkan nama Malaysia pada temasya Sukan SEA ke-32 di Kemboja baru-baru ini.

Sempena meraikan kejayaan mereka, AMB menganjurkan majlis penghargaan di Kilang AMB, Bandar Enstek, Seremban baru-baru ini.

Ketiga-tiga atlet di bawah ASEAN Victory Project® ialah Andre Anura Anuar yang membawa pulang pingat emas bagi acara lompat kijang, manakala pelempar cakera, Queenie Ting Kung Ni dan atlet lompat galah, Nor Sarah Adi masing-masing berjaya membawa pulang perak.

Terdahulu, ketiga-tiga atlet tersebut mengambil bahagian dalam Program Pemakanan Sukan Winning Meals Kachimeshi® di bawah ASEAN Victory Project®.

Mereka diberi pendedahan mengenai pemakanan sukan dan menerima makanan seimbang bagi memenuhi keperluan latihan dan sasaran pada Sukan SEA ke-32, Kemboja yang berlangsung pada 5 hingga 17 Mei lalu.

Malah, ketiga-tiga atlet berkenaan mengakui bahawa program nutrisi sukan Winning Meals Kachimeshi® telah membantu mereka mencapai potensi dan prestasi luar biasa bagi membolehkan mereka meraih keputusan cemerlang pada edisi Sukan SEA kali ini.

Pengarah Urusan AMB, Tomoharu Abe berkata, pihaknya berharap Program Winning Meals Kachimeshi® akan dapat terus memberi sokongan dan manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Program Winning Meals Kachimeshi® ini juga diharapkan dapat memupuk amalan "Pemakanan Sihat, Hidup aktif" dalam kalangan atlet dan individu yang aktif bersukan," katanya ketika Majlis Penghargaan Pemenang Pingat di bawah ASEAN Victory Project® dalam Sukan SEA ke-32 di Kilang AMB, Bandar Enstek, Seremban baru-baru ini.

Penglibatan AMB dalam pemakanan nutrisi sukan bermula sejak 2019 melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam 'Projek Kesedaran Pemakanan Sukan'.

Projek itu adalah inisiatif Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) yang bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan nutrisi sukan dalam kalangan pelajar-atlet.

Projek tersebut masih diteruskan dan kini melibatkan tiga buah sekolah sukan yang terkenal iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Sabah.